

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN DAN METODOLOGI**

#### **1.1 Pengenalan**

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka yang mana pergantungannya kepada sektor luaran untuk membangunkan ekonomi adalah tinggi. Tahap keterbukaan ekonomi negara dapat dilihat berdasarkan nisbah eksport kepada KDNK yang sentiasa melebihi 80% terutamanya pada dekad 1990-an.<sup>1</sup> Keterbukaan sistem ekonomi sesebuah negara menyebabkan ia terdedah kepada turun naik ekonomi luaran.<sup>2</sup> Ini bermakna pembangunan ekonomi Malaysia amat dipengaruhi oleh persekitaran ekonomi global.

Sejak mencapai kemerdekaan pada 1957, Malaysia telah beberapa kali mengalami krisis ekonomi akibat daripada ketidakseimbangan ekonomi luaran.<sup>3</sup> Antaranya:

- Krisis harga minyak pada 1970-an;
- Kemelesetan ekonomi dunia pertengahan 1980-an;
- Krisis ekonomi Asia Timur 1997-1999.

Sementara itu, bermula daripada Pusingan Uruguay 1986 sebahagian besar negara-negara membangun telah beralih kepada dasar liberalisasi perdagangan. Liberalisasi seringkali dijadikan sebagai komponen utama dalam pembangunan industri

<sup>1</sup> Mohamed Aslam Gulam Hassan, "Perdagangan: Polisi, Isu dan Cabaran" dalam Mohd Rosli Mohamad dan Mohamed Aslam Gulam Hassan (2000), *Pembangunan Ekonomi Malaysia Era Globalisasi* (eds.), Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

<sup>2</sup> Paul Krugman, "External Shocks and Domestic Policy Responses", dalam Rudiger Dornbusch dan F. Leslie C.H. Helvers (1998), *The Open Economy Tools for Policy Makers in Developing Countries*, Oxford: EDI Series in Economic Development.

<sup>3</sup> Sirajuddin H. Salleh dan Ledivina Carino (1995), *Globalisation and the Asean Public Sector*, Kuala Lumpur: APDC.

berorientasikan eksport. Dasar liberalisasi dianggap berupaya meningkatkan pertumbuhan perdagangan dan merangsang pertumbuhan ekonomi, pemindahan teknologi, meningkatkan produktiviti dan juga daya saing di peringkat antarabangsa. Di Malaysia komitmen terhadap liberalisasi perdagangan bermula selepas pemulihan ekonomi pada pertengahan 1980-an.<sup>4</sup>

Selain itu ekonomi dunia menyaksikan kemunculan blok-blok perdagangan seperti North America Free Trade Agreement (NAFTA), Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) dan juga Asean Free Trade Area (AFTA). Kemunculan blok-blok dagangan ini memberikan kesan besar kepada ekonomi sesebuah negara melalui perluasan pasaran. Namun begitu, dari sudut yang lain ia akan meningkatkan persaingan dagangan yang sengit.

Seferusnya kepesatan teknologi maklumat mencetuskan perkembangan baru dalam ekonomi sesebuah negara. Pertumbuhan ekonomi bukan hanya ditentukan oleh faktor pengeluaran konvensional seperti tanah, buruh dan upah tetapi juga teknologi maklumat dan pengetahuan. Dari sudut perdagangan antarabangsa pula pertumbuhan ekonomi tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada faktor semulajadi yang dimiliki tetapi lebih kepada faedah berbanding dan keupayaan bersaing. Kepesatan teknologi maklumat ini telah meningkatkan proses globalisasi atau kebergantungan sesebuah negara dengan negara yang lain.

Perkembangan-perkembangan ekonomi global yang pesat dan mencabar ini memberikan kesan kepada ekonomi negara termasuk sektor industri kecil dan

<sup>4</sup> Sieh Lee Mei Ling, Mahani Zainal dan Loke Wai Heng (2000), *Liberalisation and Deregulation of Malaysia's Services Sector*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

sederhana. Pengalaman lalu menunjukkan bahawa perkembangan IKS amat dipengaruhi oleh perubahan persekitaran ekonomi dan dasar kerajaan. Kesan buruk kemelesetan ekonomi 1980-an telah menjelaskan perkembangan IKS. Kegawatan ekonomi 1997 pula memberi kesan besar kepada IKS. Adalah dianggarkan lebih 80% daripada IKS menerima kesan buruk kegawatan ekonomi seperti peningkatan kos operasi dan menghadapi masalah kewangan.<sup>5</sup> Sementara itu peningkatan pesat industri besar kesan kemasukan pelaburan asing sejak awal 1990-an memberikan saingan kepada IKS. Pelaburan daripada enam negara utama iaitu Jepun, Australia, Taiwan, Perancis, Amerika Syarikat dan United Kingdom meningkat kira-kira 48% dari RM10,095.2 juta pada 1991 kepada RM14,978.6 juta pada 1992 mengurangkan kepentingan IKS.<sup>6</sup>

Tidak dapat dinafikan bahawa proses liberalisasi atau globalisasi memberi kesan positif tetapi persoalannya ialah sejauhmanakah ia menguntungkan IKS khususnya di Malaysia. Seperti kebanyakan negara terutamanya negara-negara membangun, IKS di Malaysia sentiasa bergelut dengan masalah tradisi seperti masalah kewangan serta tingkat teknologi yang rendah, menjadikan keupayaan untuk bersaing ataupun mendapat manfaat dalam ekonomi global diragui. Pemindahan teknologi misalnya hanya memberi manfaat kepada sebahagian besar syarikat multinasional yang dimiliki oleh syarikat asing.<sup>7</sup>

<sup>5</sup> SMIDEC (1999), *Performance of SMIs in the Manufacturing Sector 1998*, Kuala Lumpur: tidak diterbitkan.

<sup>6</sup> Mohd Rosli Mohamad, "Ke Arah Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana", *Dewan Masyarakat*, November 1994, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>7</sup> Fatimah Kari dan Rashida Bee, "Pelaburan Asing dan Pemindahan Teknologi", dalam Mohd Rosli Mohamad dan Mohamed Aslam Gulam Hassan (2000), op cit., ms. 282.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Sumbangan sektor IKS sememangnya disedari sebagai amat penting kepada ekonomi negara. Walaupun pada zaman di sekitar masa kemerdekaan, ia tidak mendapat perhatian serius dari kerajaan atas desakan sektor-sektor lain tetapi zaman selepasnya mula menampakkan keprihatinan kerjaan yang agak serius. Ini pada hakikatnya adalah disebabkan penglibatan kaum Bumiputera yang agak tertinggal dalam sektor ekonomi manakala peniaga Cina pula bergiat cergas dalam ekonomi negara termasuk dalam IKS.<sup>8</sup>

Pelbagai agensi kerajaan telah ditubuhkan untuk menangani masalah ini, contohnya RIDA (dan kemudiannya MARA), dan MIDF. Namun begitu, pendekatan-pendekatan tertentu dari agensi serta institusi-institusi perbankan hampir tidak dapat membantu pengusaha IKS Bumiputera yang nampak jauh ketinggalan, justeru kerajaan merasakan usaha-usaha yang lebih konkrit lagi komprehensif diperlukan untuk membantu mereka dan IKS amnya.

Pelbagai kesulitan dihadapi dalam sektor ini termasuklah kekurangan modal, usaha yang masih berintensifkan buruh berbanding dengan pembangunan berdasarkan teknologi dan ke arah pengekspor tan produk. Tanpa mengetahui kehendak-kehendak serta mengatasi cabaran semasa dalam sektor IKS ini, maka sektor ini masih terus terbelenggu oleh masalah tersebut.<sup>9</sup>

---

<sup>8</sup>Fong Chan Onn, "Small and Medium Industries in Malaysia: Economic Efficiency and Entrepreneurship", *The Developing Economies*, 1990, Jilid XXVIII, bil 2 ms.162.

<sup>9</sup> Saha Dhevan Meyanathan dan Ismail Muhd Salleh, "Malaysia", dalam Saha Dhevan Meyanathan (1994) (ed.), *Industrial Structures and the Development of Small and Medium Enterprise Linkages: Example from East Asia*, Washington D.C: World Bank.

### 1.3 Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji sejauhmanakah keupayaan dan persediaan IKS di Malaysia untuk bersaing dalam ekonomi global terutamanya berhubung dengan penggunaan teknologi dan kawalan kualiti, R&D, pembangunan sumber manusia, e-Dagang dan pasaran.

Perkara yang tersebut di atas merupakan unsur-unsur utama yang akan meningkatkan persaingan dalam ekonomi global. Secara detailnya objektif kajian adalah seperti berikut:

- a. Meneliti cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi oleh sektor perniagaan khususnya IKS dalam ekonomi global seperti globalisasi dan liberalisasi, kemunculan blok-blok dagangan, kegawatan ekonomi dan persaingan di peringkat antarabangsa.
- b. Membincangkan dasar dan usaha kerajaan untuk membantu memodenkan IKS khususnya melalui Small and Medium Industry Development Corporation (SMIDEC).
- c. Meneliti tahap penggunaan teknologi moden seperti CAD/CAM, Robotik dan Flexible Manufacturing System (FMS) dalam organisasi, e-Dagang, penglibatan dalam R&D, pembangunan sumber manusia dan kadar penembusan pasaran eksport.

### 1.4 Skop Kajian

Walaupun terdapat banyak faktor-faktor kritikal kejayaan industri tetapi kajian ini hanya menumpukan kepada perkara-perkara berikut dengan merujuk kepada industri dalam IKS sahaja iaitu:

- a. Penggunaan teknologi;
- b. Penyelidikan dan pembangunan;
- c. Pasaran;
- d. E-Dagang;
- e. Pengurusan kualiti; dan
- f. Pembangunan sumber manusia.

Kajian ini tidak mengkhususkan kepada industri tertentu dalam IKS. Sampel yang dipilih akan mewakili semua sektor IKS di Semenanjung Malaysia. Sampel yang digunakan dalam kajian ini meliputi seluruh Semenanjung Malaysia sahaja.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting untuk melihat persediaan dan keupayaan IKS dalam ekonomi global. IKS meliputi sebahagian besar daripada industri Malaysia. Pada tahun 1975 IKS meliputi 69.1% daripada keseluruhan industri. Jumlah ini menurun kepada 60.2 pada 1992. Pada 1994 jumlah IKS dianggarkan 58.6% daripada keseluruhan industri.<sup>10</sup>

Walaupun peratusan IKS dalam industri secara keseluruhannya menurun tetapi ia terus menguasai sebahagian besar industri Malaysia sehingga kini. Oleh yang demikian sebarang perubahan dalam IKS akan mengubah struktur industri di Malaysia.

---

<sup>10</sup> Moha Asri Hj. Abdullah (1999), *Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn.Bhd.

Sementara itu proses globalisasi dan liberalisasi adalah sentiasa berterusan dengan kemunculan blok-blok dagangan baru dan rundingan dagangan. AFTA misalnya akan dilaksanakan sepenuhnya menjelang tahun 2004. Perubahan-perubahan ekonomi global ini dijangka memberi kesan besar kepada ekonomi negara dan juga sektor industri.

Dalam pada itu kajian-kajian sebelum ini tentang kesan globalisasi dan liberalisasi di Malaysia, seperti Sieh et.al (2000) dan beberapa kajian lain menumpukan kepada industri dan syarikat multinasional yang mana keupayaan syarikat ini dalam ekonomi global telah terbukti. Oleh itu kajian ini bertujuan mengisi kekosongan dan sebagai pelengkap kepada kajian-kajian yang lalu.

### **1.6 Metodologi Penyelidikan**

Pada asalnya kajian ini adalah projek bersama SMIDEC dan Universiti Malaya untuk mengkaji prestasi IKS dalam tahun 1999. Bagaimanapun projek tersebut tidak dapat diteruskan kerana terdapat beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan. Lantaran itu data yang telah dikumpulkan terus digunakan untuk kajian ini sebagai sebahagian daripada keperluan penganugerahan ijazah Sarjana Pentadbiran Awam. Data untuk kajian ini diperolehi melalui sumber primer dan sekunder.

#### *a. Data Primer*

Kajian ini akan menggunakan data primer yang dikumpulkan melalui borang soal selidik. Sebanyak 900 borang soal selidik telah dihantar kepada sampel syarikat terpilih melalui pos. Sampel syarikat yang dipilih diperolehi daripada Direktori SMIDEC. Contoh borang soal selidik yang digunakan disertakan dalam Lampiran 1.

Soal selidik ini telah dijalankan bermula pada 1 Disember 1999 sehingga 31 Disember 1999. Namun demikian, disebabkan kadar pengembalian yang rendah maka tarikh tutup pengembalian borang soal selidik telah dilanjutkan sehingga 15 Januari 2000.

Sejumlah 167 borang yang telah siap diisi dan diterima telah digunakan dalam kajian ini. Bagaimanapun, tidak semua borang soal selidik diisi sepenuhnya. Oleh kerana kadar pengembalian yang rendah maka sekiranya didapati sesuatu borang diisi 75% maka ia diterima dan digunakan dalam kajian ini. Data yang telah dikumpul telah dianalisis menggunakan program *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS 10.0.1)*. Analisis utama yang digunakan dalam kajian ini ialah:

- i. *analisis frekuensi*. Analisis ini bertujuan untuk melihat peratusan dan frekuensi yang diperolehi oleh sesuatu pembolehubah.
- ii. *jadual silang*. Analisis ini digunakan untuk melihat frekuensi dan peratusan sesuatu pembolehubah mengikut industri dalam IKS.

#### *b. Data Sekunder*

Dalam pada itu data sekunder juga digunakan dalam kajian ini. Data sekunder ini diperolehi daripada buku-buku, jurnal, laporan-laporan ekonomi dan laporan yang dikeluarkan oleh agensi kerajaan yang berkaitan. Data-data sekunder ini diperolehi daripada perpustakaan dan pusat-pusat sumber seperti:

- i. Pusat Sumber SMIDEC
- ii. Perpustakaan Universiti Malaya

## **1.7 Definisi**

### *a. Industri Kecil dan Sederhana*

Terdapat banyak definisi yang dikemukakan berhubung dengan IKS. Definisi IKS seringkali berbeza-beza bergantung kepada individu, penyelidik pembuat polisi dan agensi tertentu. Namun demikian, biasanya definisi IKS akan mengambil kira salah satu atau beberapa kaedah seperti jumlah pekerja, nilai modal berbayar, nilai keluaran, jualan dan keuntungan.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, melalui Akta Penyelarasan Perindustrian atau Industrial Coordination Act (ICA) yang diperkenalkan pada 1975 merujuk IKS kepada kilang yang beroperasi dengan jumlah tenaga buruh sepenuh masa kurang daripada 25 orang dan modal berbayar tidak lebih daripada RM 250,000.<sup>11</sup> Akta ini kemudiannya diubahsuai 10 tahun kemudian, pada tahun 1985 dengan meningkatkan bilangan pekerja kepada 50 orang dan modal berbayar tidak melebihi RM 1 juta. Defini tersebut hanya bertahan setahun sahaja. Pada 1986 ia sekali lagi dipinda dengan mengambil kira IKS yang mempunyai modal berbayar tidak melebihi RM 2.5 juta dengan jumlah pekerja maksimum 75 orang. IKS yang termasuk dalam kategori di atas tidak perlu mendaftar di bawah ICA yang ditetapkan oleh MITI. Klasifikasi tersebut diubahsuai supaya selari dengan definisi IKS oleh Persatuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM).<sup>12</sup>

---

<sup>11</sup> Akta tersebut mengkehendaki bahawa kilang yang mempunyai pekerja lebih daripada 25 orang dan modal berbayar melebihi RM250,000 memohon lesen pengilang baru.

<sup>12</sup> Moha Asri (1999), op cit., ms. 78.

Sementara itu, Majlis Penyelarasan Pembangunan Industri Kecil yang terletak di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar pada mulanya memberi definisi IKS sebagai kilang-kilang yang mempunyai modal tetap tidak lebih daripada RM 250,000. Definisi tersebut diperluaskan lagi pada tahun 1989 apabila Majlis Penyelarasan Pembangunan Industri Kecil tersebut dipindahkan ke MITI. Definisi yang baru ini meliputi IKS yang mempunyai modal berbayar sehingga RM 500,000.

Dalam pada itu, agensi antarabangsa seperti Bank Dunia (1984), United Nations Industrial Development Organisation (UNIDO) (1985 dan 1986) dan Bank Pembangunan Asia (1990) memberikan definisi industri yang lebih terperinci mengikut saiz operasi seperti berikut:<sup>13</sup>

- i. Industri bersaiz kecil sebagai perniagaan dan perusahaan yang mempunyai pekerja kurang daripada 50 orang.
- ii. Industri bersaiz sederhana sebagai perniagaan atau perusahaan yang mempunyai pekerja antara 50 hingga 199 orang.
- iii. Industri bersaiz besar pula adalah perniagaan dan perusahaan yang mempunyai pekerja 200 orang ke atas.

Daripada perbincangan di atas maka dapat dirumuskan bahawa IKS adalah merujuk kepada perniagaan dan perusahaan yang mempunyai pekerja tidak melebihi 200 orang dengan modal berbayar sehingga RM 2.5 juta sahaja.

Memandangkan kajian ini memperolehi sampel daripada Direktori SMIDEC maka ia menggunakan definisi IKS yang seringkali digunakan oleh MITI dan SMIDEC,

---

<sup>13</sup> Ibid, ms.78.

iaitu perniagaan dan perusahaan yang mempunyai pekerja tidak melebihi 150 orang tanpa mengambil kira jumlah modal berbayar. Walaupun menyedari bahawa terdapat kelemahan menggunakan satu definisi sahaja tetapi ia tidak dapat dielakkan kerana jika menggunakan definisi yang meliputi tenaga buruh dan modal berbayar ia boleh menimbulkan kekeliruan dan perdebatan seperti yang dibincangkan dalam Lampiran 2.

Selain itu, pengukuran saiz industri menggunakan jumlah tenaga kerja digunakan secara meluas oleh kebanyakan negara. Ini adalah kerana data perindustrian di kebanyakan negara biasanya disediakan bersama dengan jumlah buruh. Jumlah gunatenaga juga mempunyai hubungan yang kuat dengan nilai output, modal dan keupayaan firma.<sup>14</sup>

#### b. *Ekonomi Global*

Frasa *ekonomi global* ataupun seringkali diistilahkan sebagai *globalisasi ekonomi* yang digunakan dalam kajian ini adalah merujuk kepada perkara-perkara berikut:

- i. Kemunculan blok-blok dagangan baru dan dasar perlindungan perdagangan yang dikenakan oleh sesebuah negara.
- ii. Liberalisasi dagangan.
- iii. Ketidaktentuan ekonomi antarabangsa seperti krisis ekonomi.

<sup>14</sup> Shalit S.S dan Shankar U., "The Measurement of Firm Size", *The Review of Economics and Statistics*, 1977, Vol.6. Juga rujuk Choo Sau Ling dan Kuppusamy S., "Promotion and Problems of Small and Medium Scale Industries: A Survey of Awareness on Facilities and Incentives among Entrepreneurs in the Klang Valley", *Borneo Review*, 1997, Vol.3 No.2.

- iv. Transformasi ekonomi daripada ekonomi berasaskan pengeluaran kepada ekonomi berasaskan pengetahuan ataupun K-ekonomi.


### **1.8 Rangka Kerja**

Secara umumnya kajian ini dapat diringkaskan menggunakan rangka kerja seperti yang ditunjukkan oleh Rajah 1. Cabaran ekonomi global seperti liberalisasi, kemunculan blok-blok dagangan serta ketidaktentuan ekonomi memberi kesan kepada ekonomi Malaysia dan sektor IKS.

Liberalisasi perdagangan misalnya menggalakkan proses pemindahan teknologi, pembesaran saiz pasaran disamping meningkatkan peluang perniagaan dan persaingan. Namun demikian, walaupun ia boleh meningkatkan produktiviti dan kualiti, tetapi dalam masa yang sama juga mengundang cabaran yang sengit kepada IKS.

Proses keluar masuk industri yang mudah memungkinkan IKS berhadapan dengan persaingan daripada syarikat-syarikat gergasi dan multinasional yang ternyata mempunyai keupayaan yang tinggi. Sementara itu, ketidakstabilan ekonomi global seperti kegawatan atau krisis ekonomi boleh mencetuskan situasi tidak menentu dalam ekonomi Malaysia yang mana ia pastinya memberi kesan yang besar kepada sektor IKS.

*Rajah 1: Rangka Kerja: Kesan Cabaran Ekonomi Global Terhadap Ekonomi Malaysia dan IKS*



**Petunjuk**

↓ - memberi kesan

Sumber: Kajian Penyelidik.

Memandangkan wujudnya cabaran ekonomi global seperti yang dinyatakan di atas maka IKS perlu bersedia menghadapinya. Namun demikian, malangnya pembangunan IKS secara keseluruhannya masih dibelenggu pelbagai masalah tradisi yang berterusan seperti masalah kewangan serta struktur industri yang rapuh. Dengan itu timbul persoalan, mampukah IKS bertahan dalam menghadapi cabaran ekonomi global.

Sementara itu, telah diketahui umum bahawa teknologi, R&D, pengurusan kualiti, IT dan sumber manusia merupakan faktor-faktor yang berupaya meningkatkan daya saing dan faedah berbanding sesebuah negara dalam ekonomi global. Bagaimanapun, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa faktor-faktor yang disebutkan di atas merupakan salah satu kelemahan utama sebahagian besar IKS. Sebagai contoh, IKS seringkali dilihat sebagai industri yang menggunakan tingkat teknologi yang rendah dan ketinggalan zaman.<sup>15</sup>

### 1.9 Hipotesis

H<sub>1</sub> : IKS di Malaysia masih menggunakan teknologi pengeluaran yang rendah.

H<sub>2</sub> : IKS di Malaysia tidak terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D).

H<sub>3</sub> : IKS di Malaysia tidak mempraktikkan sepenuhnya pemasaran melalui e-dagang dan internet.

<sup>15</sup> Rahimah Ismail (1995), *Industri Kecil dan Sederhana: Isu Pembiayaan, Teknologi dan Pemasaran*, Bangi: Penerbit UKM.

### 1.10 Had-Had Kajian

- a. *Saiz sampel yang kecil.* Tidak dapat dinafikan bahawa salah satu kelemahan kajian ini ialah saiz sampel yang kecil. Justeru terdapat kemungkinan bahawa ia tidak memberikan gambaran yang tepat tentang IKS.
- b. *Over generalized.* Sementara itu tidak dinafikan kemungkinan wujudnya masalah *over generalized* dalam kajian ini terutamanya dalam mengkaji tahap atau peratusan IKS yang terlibat dalam sesuatu bidang. Masalah ini timbul kerana kajian ini tidak mengkaji secara mendalam dan tidak dianalisis mengikut industri tertentu (mikro) tetapi mengkaji keseluruhan industri. Contohnya apabila mengukur tahap penggunaan teknologi CAD/CAM dalam IKS ia dianalisis berdasarkan peratusan secara keseluruhan. Terdapat kemungkinan bahawa penggunaan teknologi tersebut tidak sesuai untuk sesuatu industri. Oleh itu, lebih tepat lagi jika kajian dibuat mengkhusus kepada industri tertentu dan disusuli oleh kajian mikro seperti lawatan ke lokasi perkilangan. Namun demikian dengan waktu yang singkat adalah sukar untuk membuat kajian mikro ke atas beratus-ratus syarikat.
- c. *Ketepatan jawapan.* Ketepatan data yang diperolehi dalam borang soal selidik ini amat bergantung kepada ketepatan jawapan yang diberi oleh responden. Dalam kajian ini responden diberi kebebasan untuk mengisi borang soal selidik. Bagaimanapun untuk tujuan penyelidikan akan datang, adalah dicadangkan

supaya syarikat diminta untuk menyertakan maklumat lanjut seperti Penyata Akaun untuk rujukan lanjut. Ini memudahkan pembetulan dibuat oleh penyelidik sekiranya terdapat percanggahan data dan juga untuk memastikan ketepatan jawapan.

- d. *Masa yang terhad*. Masalah masa yang singkat untuk menyediakan Laporan Penyelidikan ini merupakan masalah utama. Masa yang kurang daripada enam bulan menyebabkan penyelidikan ini dilakukan secara tergesa-gesa. Ia ditambah lagi dengan karenah responden yang lambat menghantar borang soalselidik. Malah sehingga ke peringkat terakhir analisis data pun masih terdapat borang soal selidik diterima.

### **1.11 Susunan Bab-Bab**

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab sahaja. Bab dua seterusnya membincangkan trend dan kesan ekonomi global serta keperluan-keperluan persaingan dalam ekonomi global seperti kepentingan teknologi, R&D, e-Dagang dan daya penembusan pasaran.

Sementara itu bab tiga akan membincangkan tentang IKS di Malaysia. Ia meliputi profil IKS, perkembangan dan isu-isu yang berkaitan dengan IKS.

Bab empat pula khusus untuk membincangkan hasil kajian yang diperolehi daripada borang soal selidik.

Bab 5 merupakan rumusan dan kesimpulan kajian.